KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	18/11/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	JMG			

lokal

Buang 'emas' di Sungai Golok

Penduduk manfaat batu disangka berharga sebagai landskap, turap jalan



KAWASAN tapak pembinaan projek tebatan banjir di Kampung Bukit Lata, Rantau Panjang di mana batu disangka ada emas dikutip penduduk.

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
am@hmetro.com.my

Rantau Panjang

Ada penduduk di Kampung Bukit Lata di sini, membuang batu disangka mengandungi emas ke Sungai Golok selain di belakang rumah.

Ia dilakukan selepas batu berkenaan disahkan tidak mengandungi mineral berharga berkenaan.

"Pada mulanya, saya teruja mengutip batu itu kerana menyangka ia emas. Namun sebaik disahkan sebaliknya, saya buang ke Sungai Golok Isnin lalu.

"Penduduk lain turut membuangnya namun ada yang memanfaatkan dengan cara tersendiri," kata penduduk yang mahu dikenali sebagai Othman, 45.

Syed Ismail Syed Mamat, 55, pula membuang batu berkenaan di belakang rumah.

"Saya guna tiga pacuan empat roda Toyota Hilux untuk mengutip batu berkenaan namun membuangnya di belakang rumah," katanya.

Berlainan dengan Syed Azman Syed Abdul Aziz, 54. Dia menjadikan batu berkenaan bagi menghasilkan landskap di kediamannya.

"Ramai penduduk mengutip batu itu kerana pada awalnya menyangka ia mengandungi emas.

"Selepas disahkan bukan emas, penduduk menggunakan pelbagai kaedah bagi memanfaatkannya.

"Saya antara penduduk yang mengutip batu berkenaan dan kini ia dijadikan landskap. Batu ini cantik dan sesuai dijadikan landskap," katanya.

Katanya, ada penduduk yang menggunakan batu itu untuk menurap jalan.

Penemuan batu yang disangka emas itu tular di Facebook Selasa lalu selepas dimuat naik beberapa individu, namun kawasan berkenaan ditutup keesokannya selepas dikerumuni orang ramai, termasuk dari luar daerah.

> "Saya guna tiga pacuan empat roda Toyota Hilux untuk kutip batu itu namun buangnya di belakang rumah
> Syed Ismail